

NASIONAL

Sambutan Hari Koperasi Sedunia

Ahli koperasi di seluruh dunia rai Hari Koperasi Antarabangsa ke-96 hari ini

RIDAUDDIN DAUD

KELANA JAYA

Lebih satu bilion ahli koperasi di seluruh dunia termasuk seramai 6.5 juta ahli koperasi di Malaysia meraikan Hari Koperasi Antarabangsa yang ke-96 hari ini yang disambut pada Sabtu minggu pertama setiap bulan Julai.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, hari tersebut di-

sambut bagi menjelaskan aktiviti, peranan dan hala tuju gerakan koperasi dalam membentuk masyarakat harmoni.

Menurut beliau, tema sambutan tahun ini ialah 'Koperasi Untuk Guna Tenaga Penuh, Produktif dan Kerja Yang Bersesuaian Untuk Semua'.

"Tema itu dipilih oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) bagi menyatakan salah satu objektif gerakan koperasi adalah 'Matlamat Pembangunan Mampan' untuk masyarakat.

"Dalam satu kajian yang dibuat oleh Ikatan Koperasi Antarabangsa, gerakan koperasi telah menyediakan peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor



ekonomi yang menyara lebih daripada 279 juta orang di seluruh dunia

iaitu hampir 10 peratus jumlah populasi dunia yang bekerja.

"Koperasi juga memberi fokus kepada kesetaraan jantina, agama, bangsa waima ideologi politik dalam dunia pekerjaan. Inilah yang dipraktikkan koperasi sejak dari awal kewujudannya," kata beliau.

Beliau berkata demikian pada temu bual eksklusif bersama *Sinar Harian* di Ibu Pejabat Angkasa di Wisma Ungku A Aziz bersempena sambutan Hari Koperasi Antarabangsa di sini semalam.

Tambah Abdul Fattah, gerakan koperasi di Malaysia mencatatkan perolehan

sebanyak RM40.32 bilion sekali gus menjadikan sektor koperasi sebagai sektor ketiga menyumbang kepada pembangunan sosial dan ekonomi negara.

"Koperasi juga merupakan pertubuhan sosial dan ekonomi yang bukan mengejar keuntungan semata-mata tetapi menjaga kepentingan dan kesejahteraan anggotanya.

"Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) juga menyatakan koperasi ialah model yang bertahan dalam apa sahaja keadaan dan ia dibukti-

kan apabila koperasi berjaya membantu anggotanya walaupun pada krisis ekonomi," ujarnya.

Tambah Abdul Fattah, apabila koperasi bergerak dengan cekap maka objektif menyumbang kepada pembangunan mampan dapat direalisasikan.

"Kita juga mengusahakan pembangunan modal peringkat sekolah melalui gerakan koperasi sekolah. Ia bertujuan menerapkan nilai dan prinsip koperasi ke-

pada pelajar dan membina ilmu keusahawanan.

"Sehingga 31 Disember 2018, sebanyak 2,421 koperasi sekolah didaftarkan dengan ahli 1.61 juta. Aset mereka melebihi RM365 juta dan perolehan pula sebanyak RM400.5 juta.

"Sehingga kini sebanyak tujuh buah koperasi sekolah telah mencapai perolehan RM1 juta dan Angkasa menasaskan 50 buah koperasi sekolah mencapai perolehan RM1 juta pada 2020," ujarnya.

Beliau menjelaskan, tema sambutan di Malaysia pada tahun ini bertujuan menyampaikan mesej bahawa koperasi adalah perusahaan yang dibangunkan masyarakat, demokratik, fokus kepada pembangunan sumber manusia dan keadilan sosial di tempat kerja.



ABDUL FATTAH

FOTO: ROSJUTALIB